- (i) bekalan kuasa
power supply

.....

[1 markah]

- (ii) bekalan kuasa V.L.T
E.H.T power supply

.....

[1 markah]

- (iii) halaju elektron
velocity of electron

.....

[1 markah]

- (c) Menggunakan jawapan dalam 2(b)(ii) dan 2(b)(iii) , hubungkan bekalan voltan lampau tinggi (V.L.T.) dengan halaju elektron. Seterusnya nyatakan satu sifat elektron yang membolehkan ianya dipecutkan dalam tiub sinar katod tersebut.
Using the answers in 2(b)(ii) and 2(b)(iii), relate the supply of extra high tension (E.H.T.) to the velocity of electrons. Next, state a property of electrons that allows them to be excited in the cathode ray tube.

.....

.....

[2 markah]

- (d) Semasa elektron bergerak dari katod ke anod , apakah perubahan tenaga yang berlaku.
As electrons move from cathode to anode, what energy change occurs?

.....

.....


[1 markah]

- (e) Beza keupayaan bagi bekalan kuasa V.L.T. dalam Rajah 2.2 ditingkatkan kepada 6000 V.. Hitungkan tenaga kinetik elektron.
[Cas satu elektron = $1.6 \times 10^{-19} \text{ C}$].
The potential difference for the E.H.T. power supply in Diagram 2.2 is increased to 6000 V. Calculate the kinetic energy of the electron.
[Charge of one electron = $1.6 \times 10^{-19} \text{ C}$].


[2 markah]

11.3 Rajah 3.1 dan Rajah 3.2 menunjukkan dua litar bertransistor yang serupa yang berada dalam dua keadaan.

Diagram 3.1 and Diagram 3.2 show two similar transistor circuits in two states.



Rajah 3.1
Diagram 3.1



Rajah 3.2
Diagram 3.2

- (a) Apakah jenis transistor yang digunakan?
What type of transistor is used?

[1 markah]

- (b) Berdasarkan Rajah 3.1 dan Rajah 3.2, bandingkan
Based on Diagram 3.1 and Diagram 3.2, compare

- (i) voltan tapak, V_B
base voltage, V_B

[1 markah]

- (ii) nyalaan mentol
light bulb

[1 markah]

- (iii) arus tapak, I_B
Base current, I_B

[1 markah]


- (c) Berdasarkan jawapan dalam 3 (b), nyatakan hubungan antara
Based on the answer in 3 (b), state the relationship between
 (i) voltan tapak dengan arus tapak.
base voltage with base current.

[1 markah]

- (ii) arus tapak dengan arus pengumpul.
base current with collector current.

[1 markah]

- (d) Rajah 3.3 suatu litar transistor yang mengandungi perintang peka cahaya (PPC).
Diagram 3.3 is a transistor circuit containing a light dependent resistor (LDR).



Rajah 3.3
 Diagram 3.3


Apabila PPC mengesan cahaya, beza keupayaan PPC ialah 1.2 V. Hitung rintangan PPC.

When the LDR detects light, the potential difference across the LDR is 1.2 V. Calculate the resistance of the LDR.

[3 markah]

11.4 Rajah 4.1 menunjukkan satu diod semikonduktor.

Diagram 4.1 shows a semiconductor diode.




Rajah 4.1
Diagram 4.1

- (a) Namakan kawasan yang berlabel J.
Name the area labeled J.


[1 markah]

- (b) Rajah 4.2 menunjukkan satu litar menggunakan satu diod untuk menyalakan mentol yang disambungkan pada osiloskop sinar katod (OSK). Rajah 4.3 menunjukkan corak gelombang yang dipaparkan pada skrin OSK itu.

Diagram 4.2 shows a circuit using a diode to light a bulb connected to a cathode ray oscilloscope (CRO). Diagram 4.3 shows the waveform displayed on the CRO screen.



Rajah 4.2
Diagram 4.2




Rajah 4.3
Diagram 4.3

- (a) Terangkan mengapa corak gelombang yang dipaparkan pada skrin OSK adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.3
Explain why the wave pattern displayed on the CRO screen is as shown in Diagram 4.3.

[2 markah]

- (c) Seorang jurutera ingin menggunakan penjana kuasa arus ulang-alik untuk mengecas bateri telefon pintarnya yang menggunakan pengecas arus terus seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.4 sebagai sumber kuasa.
An engineer wants to use an alternating current power generator to charge the battery of his smartphone which uses a direct current charger as shown in Diagram 4.4 as a power source.



Rajah 4.4
 Diagram 4.4

Cadangkan satu pengubahsuaian yang boleh dilakukan supaya dia dapat menggunakan penjana kuasa itu untuk mengecas telefon pintarnya berdasarkan aspek-aspek yang berikut:

Suggest a modification that can be made so that he can use the power generator to charge his smartphone based on the following aspects:

- (i) Bilangan diod yang digunakan
Number of diodes used

.....
 Sebab
Reason

.....
 [2 markah]

- (ii) Jenis bahan bagi dawai penyambung
Type of material for connecting wire

.....
 Sebab
Reason


.....
 [2 markah]

- (iii) Komponen elektronik tambahan
Additional electronic components

.....
 Sebab
Reason


.....
 [2 markah]

- 11.5.** Rajah 5.1 menunjukkan litar yang digunakan sebagai amplifier arus.
Diagram 5.1 shows a circuit used as a current amplifier.



Rajah 5.1
 Diagram 5.1

- (a) (i) Namakan jenis transistor yang digunakan dalam litar tersebut.
Name the type of transistor used in the circuit. [1 markah]
- (ii) Apabila suis ditutup, kecerahan mentol X dan mentol Y berbeza. Terangkan bagaimana keadaan ini berlaku.
When the switch is closed, the brightness of bulb X and bulb Y is different. Explain how this happens. [4 markah]
- (b) Puan Sheila perlu mengawasi bayinya yang tidur di bilik lain. Dia memerlukan sejenis pencetus di biliknya untuk menyedarkannya jika bayinya bangun dan mula menangis pada waktu malam. Rajah 5.2 menunjukkan satu litar bertransistor tidak lengkap.
Mrs. Sheila needs to keep an eye on her baby who is sleeping in another room. She needs some kind of trigger in her room to wake her up if her baby wakes up and starts crying at night. Diagram 5.2 shows an incomplete transistor circuit.
 Jadual 5 menunjukkan empat komponen elektronik yang mungkin boleh disambungkan untuk melengkapkan litar itu.
Table 5 shows four possible electronic components that could be connected to complete the circuit.



Rajah 5.3 / Diagram 5.3

	Terminal P	Terminal Q	Terminal R	Terminal S
W	 Reostat <i>Reostat</i>	 Kapasitor <i>capacitor</i>	 Termistor <i>Thermistor</i>	 Penggera <i>Alarm</i>
X	 Perintang <i>Resistor</i>	 Kapasitor <i>Capacitor</i>	 Mikrofon <i>Microphone</i>	 Mentol <i>Bulb</i>
Y	 Reostat <i>Reostat</i>	 Kapasitor <i>capacitor</i>	 Mikrofon <i>Microphone</i>	 Penggera <i>Alarm</i>
Z	 Reostat <i>Reostat</i>	 Kapasitor <i>capacitor</i>	 Termistor <i>Thermistor</i>	 Mentol <i>Bulb</i>


Jadual 5 / Table 5

Menggunakan pengetahuan anda tentang elektronik, pilih mana-mana empat komponen elektronik yang sesuai dalam Jadual 5 untuk melengkapkan litar bertransistor dalam Rajah 5.2. Beri sebab bagi pilihan anda.

Using your knowledge of electronics, choose any four suitable electronic components from Table 5 to complete the transistor circuit in Diagram 5.2. Give reasons for your choice.

[10 markah]

- (c) Rajah 5.3 menunjukkan satu litar transistor
Diagram 5.3 shows a transistor circuit.



Rajah 5.3 / Diagram 5.3

Perintang R merupakan perintang boleh laras manakala perintang N mempunyai rintangan tetap sebanyak $500\ \Omega$. Transistor boleh dihidupkan apabila beza keupayaan merentasi YZ adalah sama atau lebih tinggi daripada 1 V.

Apabila beza keupayaan merentasi Y dan Z ialah 1 V, tentukan

Resistor R is an adjustable resistor while resistor N has a fixed resistance of $500\ \Omega$. The transistor can be turned on when the potential difference across YZ is equal to or greater than 1 V.

When the potential difference across Y and Z is 1 V, determine

- (i) beza keupayaan merentasi XZ,
potential difference across XZ,

[1 markah]

- (ii) beza keupayaan merentasi XY,
potential difference across XY,

[2 markah]

- (iii) rintangan maksimum, R supaya mentol T menyala.
maximum resistance, R so that bulb T lights up.


[2 markah]

BAB 12: FIZIK NUKLEAR

CHAPTER 12: NUCLEAR PHYSICS

12.1 Rajah 12.1 menunjukkan satu siri reputan radioaktif, Radon-222 mereput menjadi Polonium-218.

Diagram 12.1 shows a series of radioactive decays, Radon-222 decays into Polonium-218.



Rajah 12.1

Diagram 12.1

- (a) Namakan pereputan radiaktif tersebut.

Name the radioactive decay.

.....

[1 markah]

- (b) Mengapakah reputan radioaktif tersebut berlaku?

Why does the radioactive decay occur?

.....

[1 markah]

- (c) Setiap reputan radioaktif yang berlaku akan membebaskan tenaga. Nyatakan punca tenaga tersebut.

Every radioactive decay that occurs will release energy. State the source of the energy.

.....

[1 markah]

- (d) Nyatakan konsep fizik yang terlibat dalam penghasilan tenaga nuklear.


State the physics concept involve in the production of nuclear energy.

.....

[1 markah]

- 12.2** Suatu kawasan padang ragut telah tercemar dengan sisa radioaktif daripada suatu reaktor nuklear. Seorang penyelidik mengkaji kandungan radioaktif dalam susu daripada lembu yang ditanam di kawasan itu. Penyelidik itu mendapati kandungan radioaktif dalam setiap liter susu itu ialah 2000 bilangan per minit dan membebaskan sinar alfa. Penyelidik itu seterusnya mengukur keradioaktifan susu dari kawasan itu dalam sela masa setiap 2 jam. Keputusan kajian itu ditunjukkan oleh graf pada Rajah 12.2.
- A grazing pasture was polluted with radioactive waste from a nuclear reactor. A researcher carried out a study on the radioactive content in the milk collected from the cows in that area. He discovered the radioactive content in every litre of the milk was 2000 counts per minute and release alpha radiation. The researcher continued to measured the radioactivity in the milk from that area every 2 hours intervals. The results of the study are shown by the graph in Diagram 12.2.*

Aktiviti (bilangan per minit)
Activity (counts per minute)



Rajah 12.2 / Diagram 12.2

- (a) Apakah maksud separuh hayat?
What is the meaning of half-life?

.....

[1 markah]

- (b) Dengan menggunakan graf pada Rajah 12.2, tentukan setengah hayat bahan radioaktif dalam susu itu. Tunjukkan pada graf itu bagaimana anda menentukan nilai setengah hayat itu.

Using the graph in diagram 12.2 determine the half-life of the radioactive material in the milk. Show on the graph how you determine the half-life.

..... [2 markah]


- (c) Susu selamat di minum jika keradioaktifan dalam setiap liter susu itu tidak melebihi 50 bilangan per minit. Menggunakan setengah hayat di (b), hitungkan masa susu dari kawasan itu menjadi selamat diminum.

Milk is safe to drink if the radioactivity in every litre of the milk is not more than 50 counts per minute. Using the half-life in (b), calculate the time when the milk from this area becomes safe to drink.

[2 markah]

- 12.3** Rajah 12.3 menunjukkan satu tindak balas nukleus yang berlaku di dalam sebuah reaktor nuklear bagi menghasilkan tenaga.

Diagram 12.3 shows a nuclear reaction that occurs in a nuclear reactor to produce energy.




Rajah 12.3 / Diagram 12.3

- (a) Namakan tindak balas nukleus yang ditunjukkan dalam Rajah 12.3.
Name the nuclear reaction shows in Diagram 12.3.

..... [1 markah]

- (b) Tindak balas nukleus di atas mewakili oleh persamaan yang berikut:
The nuclear reaction is represented by the following equation:



Tentukan nilai p dan q.
Determine the value of p and q.

[2 markah]

- (c) Tindak balas nukleus berikut membebaskan sejumlah besar tenaga. Jadual 12.4 menunjukkan unit jisim atom bagi setiap nuklid.
The following nuclear reaction releases a large amount of energy. Table 12.4 shows the atomic mass units for each nuclide.

Nuklid/Nuclide	Unit jisim atom (u.j.a) / Atomic mass unit (a.m.u)
${}_0^1\text{n}$	1.00867
Uranium-235	235.04392
Barium	137.327
Kripton <i>Krypton</i>	83.798
$1\text{u.j.a} = 1.66 \times 10^{-27} \text{ kg}$ Laju cahaya dalam vakum adalah, $c = 3.00 \times 10^8 \text{ ms}^{-1}$ <i>The speed of light in a vacuum, $c = 3.00 \times 10^8 \text{ ms}^{-1}$</i>	

Jadual 12.3 / Table 12.3

- (i) Hitungkan cacat jisim dalam unit kg.
Calculate the mass defect in the unit of kg.

[2 markah]

- (ii) Hitungkan tenaga yang terhasil.
Calculate the energy produced.

[3 markah]

- 12.4** Sebuah kapal selam bertenaga nuklear baharu akan dibina menggunakan bahan api daripada radioisotop. Jadual 12.5 menunjukkan ciri-ciri empat model kapal selam P, Q, R dan S dengan spesifikasi yang berbeza.

A new nuclear-powered submarine is to be built using fuel from radioisotopes. Table 12.5 shows the characteristics of four submarine models P, Q, R and S with different specifications.

Kapal selam <i>Submarine</i>	Radioisotop <i>Radioisotopes</i>	Sepuluh hayat <i>Half-life</i>	Perisai reactor nuklear <i>Shield of nuclear reactor</i>
P	Uranium-235 <i>Uranium-235</i>	Panjang <i>Long</i>	Plumbum <i>Lead</i>
Q	Plutonium-239 <i>Plutonium-239</i>	Pendek <i>Short</i>	Plumbum <i>Lead</i>
R	Uranium-235 <i>Uranium-235</i>	Pendek <i>Short</i>	Keluli <i>Steel</i>
S	Plutonium-239 <i>Plutonium-239</i>	Panjang <i>Long</i>	Keluli <i>Steel</i>

Jadual 12.4 / Table 12.4

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan radioisotop?
What is meant by a radioisotope?

.....
[1 markah]

- (b) Berdasarkan jadual 12.4, nyatakan ciri-ciri kapal selam bertenaga nuklear paling sesuai yang berfungsi untuk jangka masa di dalam laut dan cekap.
Based on table 12.4, state the characteristics of the most suitable nuclear-powered submarine that works for long periods at sea and is efficient.

- (i) Radioisotop
Radioisotopes

.....
Sebab/ Reason

.....
[2 markah]

- (ii) Separuh hayat
Half-life

.....
Sebab/ Reason

.....
[2 markah]

- (iii) Perisai reactor nuklear
Shield of nuclear reactor

.....
Sebab/ Reason

.....
[2 markah]

- (vi) Tentukan model kapal selam yang paling sesuai.
Determine the most suitable model of the submarine-based.


.....
[1 markah]

12.5 Rajah 12.5 menunjukkan satu sampel batu igneous yang mengandungi Uranium-238 yang terperangkap semasa pembentukannya. Uranium-238 adalah unsur radioaktif yang mengalami proses pereputan radioaktif kepada plumbum-206. Kaedah tentu umur Uranium-Plumbum digunakan untuk menentukan umur batu tersebut.
Diagram 12.5 shows an igneous rock sample containing Uranium-238 which trapped during its formation. Uranium-238 is a radioactive element which undergoes radioactive decay to lead-206. Uranium-Lead dating method is used to determine the age of this rock.



Rajah 12.5 / Diagram 12.5

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan reputan radioaktif?
What is meant by radioactive decay?
- [1 markah]
- (b) Rajah 12.5.1 menunjukkan lengkungan reputan Uranium-238 kepada Plumbum-206 yang stabil.
Diagram 12.5.1 shows the decay curve of Uranium-238 into stable Lead-206.



Rajah 12.5.1 / Diagram 12.5.1

- (d) Berdasarkan Rajah 12.5.1, terangkan proses pereputan Uranium kepada plumbum.
Based on Diagram 12.5.1, explain the process Uranium decay into lead. [4 markah]
- (e) Separuh hayat Uranium-238 yang terperangkap dalam batu igneus ialah 4.5×10^9 tahun.
Half-life of trapped Uranium -238 in the igneous rock is 4.5×10^9 years.
- (i) Berapa lamakah yang diperlukan untuk Uranium-238 mereput menjadi 25% dari jumlah asal?
How long will it require for the Uranium-238 to decay to 25% from its original amount? [2 markah]
- (ii) Pada permulaan pembentukan batu igneous tersebut, tiada unsur Thorium-234 yang terperangkap dikesan. Jika Uranium-238 mereput menjadi Thorium-234 dan peratus Thorium-234 yang dikesan adalah 0.73%, andaikan umur batu tersebut.
In early formation of the igneous rocks, there was no traces of Thorium-234 element trapped in it. If Uranium-238 decays to Thorium-234 and the percentage of Thorium-234 found in the rock is 0.73%, estimate the age of the rocks. [3 markah]
- (f) Beberapa batuan ditemui di kawasan gunung berapi mengandungi Argon-40 yang mereput dan membentuk Kalium-40. Jadual 1 menunjukkan ciri-ciri empat jenis batuan P, Q, R dan S.
Several rocks were discovered at a volcanic site which contains Argon-40 which decays and forms Potassium-40. Table 1 shows the characteristics of four rocks P, Q, R and S.

Batuan Rocks	Kuantiti Argon <i>Quantity of Argon</i>	Kuantiti Kalium <i>Quantity of Potassium</i>	Nisbah Kalium kepada Argon <i>Ratio of Potassium to Argon</i>	Aktiviti radioaktif <i>Radioactive activity</i>
P	Tinggi <i>High</i>	Rendah <i>Low</i>	Rendah <i>Low</i>	Tinggi <i>High</i>
Q	Rendah <i>Low</i>	Tinggi <i>High</i>	Tinggi <i>High</i>	Rendah <i>Low</i>
R	Rendah <i>Low</i>	Tinggi <i>High</i>	Rendah <i>Low</i>	Rendah <i>Low</i>
S	Tinggi <i>High</i>	Rendah <i>Low</i>	Tinggi <i>High</i>	Tinggi <i>High</i>


Jadual 12.5 / Table 12.5

Berdasarkan maklumat yang diberi, anda dikehendaki menentukan batuan yang paling purba. Beri sebab untuk pilihan anda.

Based on the information given, you are required to determine the most ancient rock. Give reasons for your choice.

[10 markah]

- 12.6** Rajah 12.6 menunjukkan graf lengkungan pereputan bagi dua nuklid radioaktif.
Diagram 12.6 shows the graph of the decay curve for two radioactive nuclides.



Rajah 12.6 / Diagram 12.6


- (a) Berdasarkan graf di atas, bandingkan Separuh hayat bagi, bilangan nukleus asal, dan kadar reputan radioaktif bagi Radioisotop X dan Radioisotop Y. Hubungkan antara separuh hayat dengan bilangan nukleus asal dan deduksi hubungan antara separuh hayat dengan kadar reputan.
Based on the graph above, compare the half-life, number of original nuclei, and radioactive decay rate for Radioisotope X and Radioisotope Y. Relate the half-life to the number of original nuclei and deduce the relationship between half-life and decay rate.
- [5 markah]
- (b) Radioisotop Y mengalami pembelahan nukleus dan menghasilkan tenaga nuklear. Terangkan mengapa tenaga nuklear boleh dihasilkan semasa proses pembelahan nukleus.
Radioisotope Y experience nuclear fission and produces nuclear energy. Explain why nuclear energy can be produced during the nuclear fission process.
- [4 markah]
- (c) Kerajaan bercadang supaya tenaga nuklear digunakan untuk menjana tenaga elektrik bagi menyelesaikan masalah krisis tenaga negara. Anda sebagai ahli sains perlu menjalankan kajian dan membuat cadangan berkaitan aspek struktur reaktor nuklear dan penjana arus elektrik yang sesuai digunakan supaya tenaga nuklear dan tenaga elektrik yang dihasilkan adalah mencukupi dan selamat. Nyatakan dan terangkan cadangan anda melibatkan aspek ketebalan dinding reaktor nuklear, jenis radioisotop yang digunakan, keselamatan reaktor nuklear, turbin dan selenoid dalam penjana arus elektrik.
The government plans to use nuclear energy to generate electricity to solve the country's energy crisis. As a scientist, you need to conduct research and make recommendations regarding the structural aspects of nuclear reactors and suitable electric current generators so that the nuclear energy and electricity produced are sufficient and safe. State and explain your proposal involving aspects of the thickness of the nuclear reactor walls, the type of radioisotope used, the safety of the nuclear reactor, turbines and solenoids in the electric current generator.

[10 markah]

BAB 13: FIZIK KUANTUM**CHAPTER 13: QUANTUM PHYSICS**

13.1 Rajah 13.1.1 menunjukkan gegelung dawai filamen sebuah mentol yang memancarkan radiasi elektromagnet dengan panjang gelombang 800 nm. Ia merupakan contoh jasad hitam dalam kehidupan harian.

Diagram 3.1.1 shows the filament wire coil of a bulb that emits electromagnetic radiation with a wavelength of 800 nm. It is an example of the black body in daily life.



Rajah 13.1.1 / Diagram 13.1.1

- (a) Apakah maksud jasad hitam?
What is the meaning of black body?

.....
[1 markah]


- (b) Berdasarkan Rajah 13.1.1, hitung
Based on Diagram 13.1.1, calculate
- (i) frekuensi radiasi elektromagnet yang terhasil
frequency of electromagnetic radiation produced.

[3 markah]

- (ii) kuasa foton daripada elemen pemanas jika bilangan foton yang di pancarkan adalah 3.37×10^{18} per saat.
power of photon from the heating element if the number of photons emitted is 3.37×10^{18} per second.

[3 markah]

- (c) Rajah 13.1.2 menunjukkan sinar cahaya memasuki rongga telinga
Diagram 13.1.2 shows rays of light entering the ear cavity.



Rajah 13.1.2 / Diagram 13.1.2

Jelaskan bagaimana rongga telinga boleh bertindak seperti jasad hitam.
Explain how the ear cavity can act as a black body.


.....

.....

.....

[3 markah]

- 13.2** Rajah 13.2.1 menunjukkan satu alur cahaya monokromatik ditujukan ke atas suatu permukaan logam untuk menghasilkan fotoelektron.
Diagram 13.2.1 shows a monochromatic light beam is directed on a metal surface to produce photoelectron.



Rajah 13.2.1 / Diagram 13.2.1

Zarah – zarah alur cahaya adalah dikenali sebagai foton.
Light particles are known as photon.

- (a) Apakah maksud foton?
What is the meaning of photon?

.....
 [1 markah]

- (b) Apakah yang berlaku kepada tenaga kinetik maksimum fotoelektron yang terpancar dari permukaan logam jika keamatan cahaya bertambah?
What happens to the maximum kinetic energy of a photoelectron emitted from a metal surface if the light intensity is increased?

.....
 [1 markah]

- (c) Alur cahaya monokromatik itu mempunyai panjang gelombang 460 nm.
 Hitungkan tenaga foton.
 (Pemalar Planck, $h = 6.63 \times 10^{-34}$ J s dan laju cahaya, $c = 3 \times 10^8$ m s⁻¹)
The monochromatic light beam has a wavelength of 460 nm.
Calculate the energy of the photon.
(Planck's constant, $h = 6.63 \times 10^{-34}$ J s and the speed of light, $c = 3 \times 10^8$ m s⁻¹)

[3 markah]

- (d) Alur cahaya dalam Rajah 13.2.1 di gantikan dengan alur cahaya yang mempunyai frekuensi yang lebih tinggi.
 Nyatakan perubahan yang berlaku kepada tenaga kinetik maksimum fotoelektron.
The light beam in Diagram 13.2.1 is replaced with a light beam that has a higher frequency.
State the change that occurs to the maximum kinetic energy of the photoelectron.

.....
 [1 markah]

- 13.3** Rajah 13.3.1 menunjukkan dua litar sel foto yang diselaputi oleh dua bahan yang berbeza. Apabila sel – sel foto disinari oleh cahaya, arus fotoelektrik akan terhasil dalam litar.
Diagram 13.3.1 shows two photocell circuits covered by two different materials. When photocells are irradiated by light, a photoelectric current will be generated in the circuit.

Cesium Cesium	Litium Lithium
Fungsi kerja cesium, $W = 3.43 \times 10^{-19} \text{ J}$ <i>Work function of cesium, $W = 3.43 \times 10^{-19} \text{ J}$</i>	Fungsi kerja litium, $W = 3.64 \times 10^{-19} \text{ J}$ <i>Work function of lithium, $W = 3.64 \times 10^{-19} \text{ J}$</i>
Frekuensi ambang, $f_0 = 5.16 \times 10^{14} \text{ Hz}$ <i>Threshold frequency, $f_0 = 5.16 \times 10^{14} \text{ Hz}$</i>	Frekuensi ambang, $f_0 = 6.03 \times 10^{14} \text{ Hz}$ <i>Threshold frequency, $f_0 = 6.03 \times 10^{14} \text{ Hz}$</i>
Panjang gelombang maksimum untuk penghasilan arus fotoelektrik, $\lambda = 579 \text{ nm}$ <i>Maximum wavelength for photoelectric current generation, $\lambda = 579 \text{ nm}$</i>	Panjang gelombang maksimum untuk penghasilan arus fotoelektrik, $\lambda = 496 \text{ nm}$ <i>Maximum wavelength for photoelectric current generation, $\lambda = 496 \text{ nm}$</i>

Rajah 13.3.1 / Diagram 13.3.1

- (a) Apakah maksud fungsi kerja?
What is meant by work function?

.....
[1 markah]

- (b) Berdasarkan Rajah 13.3.1, bandingkan
Based on Diagram 13.3.1, compare

- (i) Fungsi kerja
Work function

.....
[1 markah]

- (ii) Frekuensi ambang
Threshold frequency

.....
[1 markah]

- (iii) Panjang gelombang maksimum untuk penghasilan arus fotoelektrik
Maximum wavelength for photoelectric current generation

.....
 [1 markah]

- (c) Berdasarkan kepada jawapan anda dalam (b)(i),(b)(ii) dan (b)(iii), nyatakan hubungan
Based on your answers in (b)(i), (b)(ii) and (b)(iii), state the relationship

- (i) Fungsi kerja dan frekuensi ambang.
Work function and threshold frequency.

.....
 [1 markah]

- (ii) Fungsi kerja dan panjang gelombang maksimum untuk penghasilan arus fotoelektrik.
Work done and maximum wavelength for photoelectric current generation.


.....
 [1 markah]

- (d) Sel - sel foto yang diselaputi oleh bahan cesium disinari oleh cahaya biru berfrekuensi 6.67×10^{14} Hz. Berapakah halaju maksimum fotoelektron yang terpancar keluar.
 (jisim electron, $m = 9.11 \times 10^{-31}$ kg)
Photocell covered by cesium material are irradiated by blue light with a frequency of 6.67×10^{14} Hz. What is the maximum velocity of the emitted photoelectron?
(electron mass, $m = 9.11 \times 10^{-31}$ kg)

[3 markah]

13.4 Rajah 13.4.1 menunjukkan sel foto bagi menghasilkan arus fotoelektrik. Katod disadur dengan satu logam yang mempunyai fungsi kerja, W .

Diagram 13.4.1 shows a photocell to produce a photoelectric current. The cathode is coated with a metal that has a work function, W .



Rajah 13.4.1 / Diagram 13.4.1


- (a) Apakah yang di maksudkan dengan fungsi kerja?
What is the meaning of work function?

[1 markah]

- (b) Terangkan bagaimana penunjuk microammeter terpesong.
Explain how the microammeter pointer deflects.

[4 markah]

- (c) Rajah 13.4.2 menunjukkan graf tenaga kinetic maksimum, KE_{maks} fotoelektron melawan frekuensi cahaya.
Diagram 13.4.2 shows a graph of maximum kinetic energy, KE_{max} of photoelectrons against light frequency.




Rajah 13.4.2 / Diagram 13.4.2


Berdasarkan Rajah 13.4.2,
Based on Diagram 13.4.2,

- (i) Tentukan frekuensi ambang, f_0
Determine the threshold frequency, f_0
- (ii) Tentukan fungsi kerja, W dalam unit S.I,
Determine the work function, W in S.I unit.
(1 eV = 1.6×10^{-19} J)
- (iii) Tentukan pemalar planck, h dalam unit S.I.
Determine the planck constant, h in S.I unit.

[5 markah]

- (d) Rajah 13.4.3 menunjukkan 4 jenis litar ringkas bagi sebuah sel foto dalam menghasilkan arus fotoelektrik apabila cahaya di pancarkan ke atas permukaan logam katod. Arus fotoelektrik yang dihasilkan diukur menggunakan milliammeter. Beza keupayaan yang dibekalkan oleh sel kering adalah sama.
Diagram 13.4.3 shows 4 types of simple circuits for a photocell in producing a photoelectric current when light is emitted onto the metal surface of the cathode. The resulting photoelectric current is measured using a milliammeter. The potential difference supplied by the dry cell is the same.





Rajah 13.4.3 / Diagram 13.4.3

Kaji dan tentukan litar sel foto yang paling sesuai yang dapat menghasilkan tenaga kinetik maksimum fotoelektron yang tinggi.

Terangkan kesesuaian bagi setiap spesifikasi dan pilih litar yang paling sesuai serta berikan alasan untuk pilihan anda.

Study and determine the most suitable photocell circuit that can produce high maximum kinetic power of photoelectrons.

Explain the suitability of each specification and select the most appropriate circuit and provide reasons for your choice.

[10 markah]

MODUL TAMAT
END OF MODULE



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU**

MODUL INTERVENSI PEMBELAJARAN SPM 2025

PERATURAN PEMARKAHAN

FIZIK

BAB 1: PENGUKURAN CHAPTER 1: MEASUREMENT

CADANGAN JAWAPAN

1.1

- (a) kuantiti fizik yang boleh diukur // *physical quantity that can be measured.*
- (b) kuantiti asas : kuantiti fizik yang tidak boleh diterbitkan dari mana-mana kuantiti fizik yang lain.
base quantity: a physical quantity which cannot be derived from another physical quantity.
kuantiti terbitan: kuantiti fizik yang boleh diterbitkan dari mana-mana kuantiti asas fizik yang lain sama ada secara pendaraban, pembahagian ataupun kedua-duanya.
derived quantity: a physical quantity which can be derived from another base physical quantity by multiplication, division or both.
- (c) kuantiti asas: panjang , lebar , masa
base quantities: length, wide, time
kuantiti terbitan: luas
derived quantity: area

1.2

- (a) kuantiti fizik yang mempunyai magnitud dan arah// *physical quantity that has magnitude and direction.*
- (b) kuantiti skalar // *scalar quantity* : jarak // *distance* ; masa // *time*
kuantiti terbitan // *derived quantity* : laju // *speed* ; pecutan // *acceleration*

1.3

- (a) (i) v^2 berkadar langsung/ berkadar terus dengan h // *v^2 is directly proportional to h*
- (a) (ii) 3.40 ms^{-1} (*bergantung kepada ekstrapolasi graf)
- (a) (iii) $0.192 \text{ m}^2 \text{ s}^{-2} \text{ cm}^{-1}$
- (b) 9.55 ms^{-2} (* bergantung kepada segitiga kecerunan yang dilukis)
- (c) Tidak berubah// *no change*
- (d) - Letakkan minyak/ bedak di atas landasan supaya landasan terpampas geseran // sebarang idea untuk mendapatkan landasan terpampas geseran
- Pastikan mata berserenjang dengan bacaan/skala pembaris untuk mengelakkan ralat paralaks.

BAB 2: DAYA DAN GERAKAN I CHAPTER 2: FORCE AND MOTION I

CADANGAN JAWAPAN

2.1


- (a) kadar perubahan sesaran // *rate of change of displacement*
- (b) (i) K
- (ii) kecerunan graf v-t paling tinggi // *highest gradient of graph v-t*
- (iii) mengurangkan geseran// daya bersih lebih tinggi// *decrease friction// higher net force*

2.2

- (a) Q
- (b) (i) halaju seragam// *constant velocity*
- (ii) jarak antara titik- titik adalah sama// *same distance between dots*

2.3

- (a) kadar perubahan sesaran // *rate of change of displacement*
- (b) pecutan sifar // halaju seragam // *zero acceleration // constant velocity*
- (c) $P = mv$
 $= 1200 \text{ kg} \times 10 \text{ ms}^{-1}$
 $= 12000 \text{ kg ms}^{-1}$



(d)

- 2.4 (a) - Bergerak dengan pecutan graviti.
Moving with gravitational acceleration.
- Berlaku dalam vakum
Vacuum
- Halaju bertambah
Velocity increase
- (b) $S = ut + \frac{1}{2}gt^2$
 $49 = 0 + \frac{1}{2}(9.81)t^2$

- $t = 3.16s$
- (c) - apabila menghampiri permukaan, kekuatan medan graviti meningkat
As it approach the surface, the strength of the gravitational field increases.
 - pecutan objek sama dengan pecutan graviti
Acceleration of object equal to gravitational acceleration
 - perubahan halaju meningkat secara seragam
the change in velocity increases uniformly
 - (d) - Daya geseran udara meningkat
Air friction increase
 - perubahan halaju berkurang.
change in velocity smaller
 - pecutan sifar/menghampiri sifar
Acceleration nearly zero

- 2.5** (a) Kecenderungan objek untuk mengekalkan keadaan asal samaada pegun atau bergerak dengan halaju seragam.
The tendency of an object to maintain its original state of being either at rest or moving at a uniform velocity.
- (b) Troli yang penuh mempunyai jisim yang besar.
A full trolley has a large mass.
Inersia troli yang penuh lebih besar
The inertia is bigger
- (c) (i) Untuk mengkaji hubungan antara jisim dan inersia.
To investigate the relationship between mass and inertia
- (ii) P. Manipulasi : Jisim troli/mass of trolley
- (iii) P. Bergerakbalas : Inersia/Sesaran troli/Displacement
- (iv) Semakin besar jisim, semakin besar inersia
mass increase, inertia increase
- (d) - Sesaran troli penuh lebih jauh
Displacement of fully trolley is further
- Inersia lebih besar
Inertia bigger
- 2.6** (a) Dalam satu system yang tertutup, Jumlah momentum sebelum dan selepas perlanggaran adalah sama.
In a closed system, the sum of the momentum before and after the collision is the same.
- (b) $mv + mu = 0$
 $(1.2)(0.9) + (1.8)(-V) = 0$
 $V = 0.6ms^{-1}$ ke kiri @ $-0.6ms^{-1}$
- (c) - Sebelum letupan, troli pegun/jumlah momentum sifar
Before the explosion, the trolley is stationary/zero total momentum
- Apabila spring dilepaskan, troli A memperoleh momentum ke kanan.
When the spring is released, trolley A gains momentum to the right.
- Untuk mengekalkan momentum sifar, troli B memperoleh momentum ke kiri
To maintain zero momentum, trolley B gains momentum to the left
- Prinsip keabadian momentum
Principle of conservation of momentum
- Jumlah momentum ke kanan = Jumlah momentum ke kiri
Total momentum to the right = Total momentum to the left

2.7 (a) Kadar perubahan momentum berkadar terus dengan daya.
Rate of change of momentum is directly proportional to force

(b) $F = ma$

$$4.5 = 1.5a$$

$$a = 3.0 \text{ ms}^{-2}$$

- (c) - Daya paduan perlu ditingkatkan
Resultant force increased
- Pecutan dikekalkan
Acceleration unchanged
- Halaju bertambah
Velocity increase

2.8 (a) Kadar perubahan momentum
Rate of change of momentum

- (b) - masa hentaman rajah a < rajah b
time of impact diagram a < diagram b
- daya impuls rajah a > rajah b
Impulsive force diagram a > diagram b
- semakin tinggi masa hentaman, semakin kecil daya impuls
time of impact increase, impulsive force decrease
(c) - semasa tumbukan laju, memendekkan masa impak perlanggaran
high speed of strike, decrease the time of impact
- meningkatkan daya impuls
increase impulsive force
- proses melumatkan lebih cepat
faster crushing process

(d) $F = \frac{mv - mu}{t}$

$$F = \frac{0.4(8) - (0.4)(6)}{0.2}$$

$$F = 4\text{N}$$

2.9 (a) Daya graviti/*Gravitational force*

(b) Permukaan laut/*sea surface*

$$W = mg$$

$$19.6 = 2g$$

$$g = 9.8 \text{ ms}^{-2}$$

Permukaan bukit tinggi/*highland surface*

$$W = mg$$

$$19.2 = 2g$$

$$g = 9.6 \text{ ms}^{-2}$$

- (c) - kedudukan objek yang berlainan
different positions of objects
- semakin dekat kedudukan dengan pusat graviti, semakin tinggi kekuatan medan graviti.
the closer the position to the center of gravity, the higher the strength of the gravitational field.
- semakin tinggi kekuatan graviti, semakin besar daya graviti bertindak ke atas objek
the higher the strength of gravity, the greater the gravitational force acting on the object

- Menyebabkan berat objek meningkat(vice versa)
Causes the weight of the object to increase (vice versa)

BAB 3: KEGRAVITIAN CHAPTER 3: GRAVITATION

CADANGAN JAWAPAN

- 3.1 (a) Halaju minimum yang diperlukan oleh objek di permukaan Bumi untuk mengatasi daya graviti dan terlepas ke angkasa lepas.
The minimum velocity needed by an object on the surface of the Earth to overcome the gravitational force and escape to outer space.
- (b) M1: $2575 \times 10^3 \text{ m}$
M2: $v = \sqrt{\frac{2(6.67 \times 10^{-11})(1.35 \times 10^{23})}{2575 \times 10^3}}$
M3: $v = 2644.58 \text{ m s}^{-1}$
- 3.2 (a) Hukum Kepler Kedua
Kepler's Second Law
- (b)(i) lebih / *more*
(b)(ii) Jarak JK lebih panjang / *Distance JK is longer*
- (c) M1: $T^2 = \left(\frac{4\pi^2}{(6.67 \times 10^{-11})(1.99 \times 10^{30})} \right) (2.5 \times 10^{11})^3$
M2: $T = 6.817 \times 10^7 \text{ s} = 1.8936 \times 10^4 \text{ jam}$
- 3.3 (a) Daya graviti di antara dua jasad berkadar terus dengan hasil darab jisim dua jasad itu dan berkadar songsang dengan kuasa dua jarak di antara pusat dua jasad tersebut.
The gravitational force between two bodies is directly proportional to the product of the masses of two bodies and inversely proportional to the square of the distance between the centres of the two bodies.
- (b) M1: $r = (6.37 \times 10^6) + 150,000$
M2: $F = \frac{(6.67 \times 10^{-11})(5.97 \times 10^{24})(5 \times 10^4)}{(6.37 \times 10^6 + 150,000)^2}$
M3: $F = 468354.8026 \text{ N}$
- (c)(i) bertambah // *increases*
(c)(ii) berkurang // *decreases*
- 3.4 (a)(i) Berat S / *Weight of S*:
 $W = 7 \times 9.81 = 68.67 \text{ N}$ (Jawapan dengan unit yang betul)
- Berat T / *Weight of T*:
 $W = 15 \times 9.81 = 147.15 \text{ N}$ (Jawapan dengan unit yang betul)
- (a)(ii) $F = \frac{Gm_1m_2}{r^2}$
M1: $F = \frac{(6.67 \times 10^{-11})(7)(15)}{(1.75)^2}$
M2: $F = 2.2869 \times 10^{-9} \text{ N}$ (Jawapan dengan unit yang betul)
- (a)(iii) Tidak / No
(a)(iv) Kerana daya tarikan graviti antara dua jasad sangat kecil
Because the gravitational force between the two bodies is too small.
- (b) $F = \frac{mv^2}{r}$

$$M1: F = \frac{(0.075)(1.8^2)}{0.8}$$

$$M2: r = 0.3038 \text{ N} \quad (\text{Jawapan dengan unit yang betul})$$

- 3.5 (a)** Garis yang menyambungkan planet dan matahari akan mencakupi luas yang sama dalam selang masa yang sama apabila planet bergerak dalam orbitnya.
The line between the planet and the sun sweeps equal areas in equal time as the planet moves in its orbit.

- (b)(i) Panjang lengkok AB > CD

Arc length AB > CD

- (b)(ii) Luas yang dicakupi AFD = CFD

Area covered by AFD = CFD

- (b)(iii) Laju linear A ke B > C ke D

Linear speed A to B > C to D


- (c)(i) Panjang lengkok bertambah, laju linear bertambah

Arc length increases, linear velocity increases

- (c)(ii) Daya tarikan graviti / Daya memusat

Gravitational attraction / Centripetal force

- (d)(i)



- (d)(ii) M1: $r = 6.37 \times 10^6 + 2 \times 10^6 \text{ m}$

$$M2: v = \sqrt{\frac{(6.67 \times 10^{-11})(5.97 \times 10^{24})}{(6.37 \times 10^6 + 2 \times 10^6)}}$$

$$M3: v = 6897.430824 \text{ m s}^{-1} // 6.897 \times 10^3 \text{ m s}^{-1}$$

(Jawapan dengan unit yang betul)

- 3.6 (a)**



Elips

Ellipse

- (b)(i) Jisim: A < B // Mass: A < B,

- (b)(ii) Jejari orbit: A < B // Radius of orbit: A < B,

- (b)(iii) Tempoh orbit: A < B // Orbital period: A < B,

- (c) Jejari orbit bertambah, tempoh orbit bertambah //
Radius of orbit increases, orbital period increases.

- (d) Hukum Kepler Ketiga // *Kepler's Third Law*

- (e) M1: $T_{\text{Bumi}} = 1 \text{ tahun}$

$$M2: \frac{1^2}{150^3} = \frac{11.9^2}{r_p^3}$$

M3: $r_p^3 = 781.848 \times 10^9 \text{ m}$

3.7 (a) Satelit bukan geopegun
Non-geostationary satellite

(b) M1: $\sqrt{\frac{(6.67 \times 10^{-11}) (5.97 \times 10^{24})}{4.237 \times 10^7}}$

M2: $3065.637857 \text{ ms}^{-1}$

(c)(i) M1: Besar / *Bigger*

M2: Terima banyak isyarat / *Receive more signal*

(c)(ii) M1: Tenaga Solar / *Solar energy*

M2: Boleh diperbaharui / *Renewable*

(c)(iii) M1: Kecil / *Small*

M2: kurang tenaga (diperlukan semasa perlancaran) /
pecutan tinggi / inersia rendah /
less energy (needed during launch) / high acceleration / low inertia

3.8 (a) Laju bagi sebuah objek yang kekal mengorbit pada satu ketinggian tertentu.
The speed of an object that remains in orbit at a certain altitude

(b) M1: Arah gerakan satelit berubah
The direction of the satellite 's motion changes

M2: Maka halaju satelit berubah (walaupun magnitud halaju malar)
Then the velocity of the satellite changes (even though the magnitude of the velocity is constant)

M3: Satelit mengalami pecutan kerana pecutan adalah kadar perubahan halaju
Satellite experiences acceleration because acceleration is rate of change of velocity.

(c)

Ciri-ciri / <i>Characteristics</i>	Sebab / <i>Reason</i>
M1 Satelit geopegun / <i>Geostationary satellite</i>	M2 Sentiasa berada dikedudukan geografi yang sama dipermukaan bumi. <i>Always in the same geographical position on the surface of the earth</i>
M3 Tenaga solar / <i>Solar energy</i>	M4 Tenaga dibekalkan berterusan kerana tenaga diperbaharui <i>Energy is supplied continuously because renewable energy</i>
M5 Gelombang mikro / <i>Microwave</i>	M6 Frekuensi tinggi/ tenaga tinggi/ kuasa penembusan tinggi <i>High frequency/ high energy/ high penetrating power</i>
M7 Jangka hayat: Lama / <i>Lifetime: Longer</i>	M8 Tahan lama <i>Long lasting</i>

M9 Satelit L/ *Satellite L*

M10 Jenis orbit satelit Geopegun

Sumber tenaga bagi satelit: Tenaga solar

Jenis gelombang untuk komunikasi: mikro
 Jangka hayat satelit: Lama
Type of satellite orbit: Geostationary
Source of satellite energy: Solar energy
Type of wave for communication: Microwave
Lifetime satellite: Longer

(d)(i) M1: $g = \frac{(6.67 \times 10^{-11})(7.35 \times 10^{22})}{(1.75 \times 10^6)^2}$
 M2: $g = 1.6008 \text{ m s}^{-2}$

(d)(ii) M1: $v = \sqrt{\frac{2(6.67 \times 10^{-11})(7.35 \times 10^{22})}{1.75 \times 10^6}}$
 M2: $v = 2367.023447 \text{ m s}^{-1}$

(d)(iii) $F = \frac{Gm_1m_2}{r^2}$
 M1 $F = \frac{(6.67 \times 10^{-11})(7.35 \times 10^{22})(51000)}{(1.75 \times 10^6)^2}$
 M2 $F = 81640.8 \text{ N}$ (Jawapan dengan unit yang betul)

BAB 4: HABA
CHAPTER 4: HEAT

CADANGAN JAWAPAN

4.1 (a) (i) Hukum Gay Lussac
Gay Lussac's law

(ii) Apabila air mendidih pada 100°C, stim dihasilkan dan terperangkap di permukaan air.

When water boils at 100 °C, steam is produced and trapped on the surface of the water.

Semakin banyak stim terperangkap semakin bertambah frekuensi perlanggaran molekul dengan dinding periuk menyebabkan daya impuls // tekanan bertambah

The more steam is trapped, the greater the frequency of molecules collisions with the wall of the pot which increases the impulse force // pressure

Tekanan stim bertambah menyebabkan air mendidih semula pada suhu lebih tinggi pada 100°C/ Takat didih bertambah.

The increased steam pressure causes the water to boil again at a higher temperature at 100°C/ The boiling point increases.

(b) Tukar unit/ *Change the unit*

$$27^{\circ}\text{C} = 300\text{ K}$$

$$120^{\circ}\text{C} = 393\text{ K}$$

$$\frac{P_2}{393} = \frac{1 \times 10^5}{300}$$

$$P_2 = 1.31 \times 10^5 \text{ Pa}$$

4.2 (a) Darjah kepanasan
Degree of hotness

(b) Mencapai keseimbangan terma
Achieve thermal equilibrium

(c) Haba dibebaskan air panas= haba diserap air sejuk
Heat released by hot water= heat absorbed by cold water

$$m_{\text{air panas}} C_{\text{air}} (\theta - 20) = m_{\text{air sejuk}} C_{\text{air}} (90 - \theta)$$

$$(0.04) (4200) (\theta - 20) = (0.025) (4200) (90 - \theta)$$

$$\theta = 46.9^{\circ}\text{C}$$

(d) Tiada haba hilang atau bebas ke persekitaran.
No heat is lost or released into the surroundings.

4.3 (a) (i) Hukum Charles /*Charles Law*

(ii) Suhu gas bertambah

Gas temperature increases

Tenaga kinetik molekul gas meningkat

Kinetic energy of gas molecules increases

Isipadu bertambah/Tekanan gas tetap
Volume increases/ constant gas pressure

- (b) Semakin bertambah suhu gas, semakin bertambah isipadu belon.
The temperature of the gas increases, volume of balloon increases.

- (c) isipadu gas, V



- (d) Bola ping pong kembali pada bentuk asal.
 Suhu gas bertambah, Isipadu gas bertambah.
The ping pong ball returns to its original condition.
The temperature of the gas increases, the volume of the gas increases.

- (e) Letak bola ping pong dalam bekas berisi air panas
Place the ping pong ball in a container filled with hot water

- 4.4** (a) Kuantiti haba yang diserap atau dibebaskan semasa perubahan fasa bagi 1 kg bahan tanpa perubahan suhu.

The amount of heat absorbed or released during a phase change for 1 kg of a substance without a change in temperature.

- (b) Agen penyejuk (cecair) menyerap haba pendam (pengewapan) daripada udara dalam peti sejuk.

The cooling agent (liquid) absorbs latent heat (evaporation) from the air in the refrigerator.

Agen penyejuk tersejat.

Cooling agent evaporated.

Agen penyejuk bertukar yang kepada gas mengalir ke pemampat.

Cooling agent converted to gas flows to the compressor.

Agen penyejuk dimampatkan untuk menambahkan suhu dan tekanan.

Cooling agent is compressed to increase temperature and pressure.

Agen penyejuk terkondensasi pada kondenser untuk membebaskan haba pendam (pengewapan)/Bertukar kepada cecair.

Cooling agent condensed in the condenser to release latent heat(evaporation)/ Changes to liquid.

- (c) (i) $\theta = (100 - 30) // 70$

$$Q = mc \Delta\theta$$

$$= (0.8)(4.20 \times 10^3)(70)$$

$$= 2.352 \times 10^5 \text{ J}$$

- (ii) $Q = mc \Delta\theta + ml_v$

$$Q = (2.352 \times 10^5) + [(0.8)(2.26 \times 10^6 \text{ J kg}^{-1})]$$

$$C = 2.0432 \times 10^6 \text{ J}$$

(d)

Ciri-ciri Characteristics	Penerangan Explanation
Kotak pembeku di bahagian atas peti sejuk <i>Freezer compartment at the top of the refrigerator</i>	Semua bahagian peti sejuk menyejuk melalui proses perolakan haba <i>All parts of the refrigerator cool through the process of heat convection.</i>
Bilangan sirip penyejuk yang banyak <i>Large number of cooling fins</i>	Membebaskan udara panas dengan cepat <i>Releases hot air quickly</i>
Takat didih rendah <i>Low boiling point</i>	Cepat mendidih /menjadi wap // cepat menyejat <i>Boils quickly / becomes steam // evaporates quickly</i>
Haba pendam tentu pengwapan kecil <i>The specific latent heat of vaporization is small.</i>	Cepat menjadi wap // cepat menyejat <i>Quickly turns into vapor // quickly evaporates</i>
Peti sejuk R Refrigerator R	kerana kotak pembeku di bahagian atas peti sejuk, bilangan sirip penyejuk yang banyak, takat didih rendah dan haba pendam tentu pengwapan kecil <i>because the freezer compartment is at the top of the refrigerator, the large number of cooling fins, the low boiling point and the latent heat of vaporization is small</i>

- 4.5 (a) Muatan haba tentu ialah haba yang diperlukan untuk menaikkan suhu bagi 1 kg bahan sebanyak 1°C atau 1 K.
Specific heat capacity is the heat required to raise the temperature of 1 kg of a substance by 1°C or 1 K.
- (b) Suhu akhir bagi sudu plastik = sudu logam
Final temperature for plastic spoon = metal spoon
Masa diambil untuk menjadi panas sudu plastik > sudu logam
Time taken for the plastic spoon to be hot > metal spoon
Kadar perubahan suhu sudu plastik < sudu logam
The rate of change of temperature for the plastic spoon < metal spoon
Semakin meningkat muatan haba tentu, semakin lama masa yang diambil untuk sudu menjadi panas
The higher the specific heat capacity, the longer the time taken for the spoon to become hot.
Semakin meningkat muatan haba tentu, semakin rendah kadar perubahan suhu
The higher the specific heat capacity, the lower the rate of change of temperature

- (c) Air mempunyai muatan haba tentu yang besar
Water has a large specific heat capacity.
 Air boleh menyerap lebih banyak haba dengan peningkatan suhu yang kecil
Water can absorb more heat with a small increase in temperature

Air diedarkan melalui paip di sekitar blok enjin untuk menyerap tenaga haba dari enjin panas dan supaya ia kekal sejuk
Water is circulated through pipes around the engine block to absorb heat energy from the hot engine and keep it cool.


Dari blok silinder, air masuk ke radiator di mana ia disejukkan oleh udara di luar kereta yang diserap oleh kipas radiator
From the cylinder block, water enters the radiator where it is cooled by air outside the car that is sucked in by the radiator fan.

Ciri-ciri <i>Characteristics</i>	Penerangan <i>Explanation</i>
Saiz kipas besar <i>Size of fan big</i>	boleh sedut banyak udara ke radiator. <i>suck more air to the radiator</i>
Bilah sirip yang banyak <i>High number of fin blades</i>	luas permukaan besar supaya banyak haba dibebaskan <i>large surface area for more heat to release</i>
Muatan haba tentu cecair tinggi <i>High specific heat capacity of liquid</i>	boleh menyerap kuantiti haba dengan lebih banyak / lambat panas <i>can absorb more heat / Heats up slowly</i>
Takat didih tinggi <i>High boiling point</i>	tidak mudah mendidih <i>not easy to boil</i>
Bahan bilah sirip: logam/ kuprum <i>Material fin blades : metal/copper</i>	bebas haba dengan mudah / muatan haba tentu rendah <i>release heat easily / low specific heat capacity /</i>

BAB 5: GELOMBANG CHAPTER 5: WAVES

CADANGAN JAWAPAN


- 5.1 (a) Gelombang membujur
longitudinal wave
(b) (i) mampatan
compression



- (c) bertambah
Increases
- 5.2 (a) Bilangan ayunan lengkap yang dilakukan oleh suatu zarah atau bilangan gelombang yang dihasilkan oleh suatu sumber gelombang dalam satu saat.
Number of complete oscillations made by a particle or number of cycles of wave produced by a source in one second.
(b) (i) Bandul C
Pendulum C
(ii) Mempunyai panjang bandul/tali yang sama
Has the same length of pendulum/string
Frekuensi asli yang sama
Same natural frequency
(c) Resonans
Resonance
- 5.3 (a) Inframerah
Infrared
(b) Matahari / objek panas/ api / badan manusia
Sun / hot object/ flame /human bodies
(c) Berkurang
Decrease
(d) (i) Frekuensi rendah/ tenaga rendah/ kuasa penembusan rendah
Low frequency / low energy/ low penetration power
(ii) - mengesan keretakan dalam logam atau sambungan kimpalan
- detect cracks in metal or welding joints
- pengimbas bagasi di lapangan terbang
- check luggage at airport
- menentukan keaslian lukisan
- determining the authenticity of paintings

- membunuh sel kanser
